

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI SABASUN
HYPERUNCIT SENDIRIAN BERHAD
KUALA TERENGGANU

NOR MUSLIHAH BT MAN

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI SABASUN HYPERUNCIT SENDIRIAN BERHAD
KUALA TERENGGANU**

OLEH

NOR MUSLIHAH BT MAN

SARJANA MUDA PENGURUSAN (PEMASARAN)

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN
KEPADA**

**JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN
TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**


2006

1100048740

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya, NOR MUSLIHAH BINTI MAN UK 9430 mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pandangan yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama : Nor Muslihah binti Man

Tarikh : 16 Oktober 2006

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

KUSTEM

PRAKATA

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Pelatih, Nor Muslihah binti Man, bernombor matrik UK 9430 telah menjalankan Latihan Industri di Sabasun HyperRuncit Sdn. Bhd. Pelatih menjalani latihan ini selama 3 bulan iaitu lebih kurang 12 minggu, bermula dari tarikh melapor diri iaitu 17 April 2006 sehingga 9 Julai 2006.

Semasa menjalani Latihan Industri, pelatih telah ditempatkan di beberapa unit yang terdapat didalam pengurusan syarikat. Contohnya, pada minggu pertama dan kedua, pelatih ditempatkan di Bahagian Khidmat Pelanggan (Customer Service), dimana tugasnya adalah melayan setiap khidmat yang diperlukan oleh pelanggan. Minggu ketiga sehinggalah minggu kelapan, pelatih ditempatkan di unit pengurusan kedai, iaitu merangkumi beberapa jabatan seperti Canfood, Sundry, Segar, Sejuk & Beku (SSB) dan juga First Floor. Jabatan-jabatan ini lebih kepada urusan jual beli produk.

Minggu ke sembilan dan kesepuluh pula, pelatih ditempatkan di unit Inventori. Semasa berada di jabatan ini, pelatih dapat mengetahui mengenai pengurusan inventori, dimana ianya merangkumi aktiviti seperti proses pesanan stok, kawalan stok, pengauditan bil-bil/invois, penyimpanan *database* tentang pembekal-pembekal dan pengrekodan maklumat-maklumat inventori yang ada

di dalam premis. Manakala, pada minggu kesebelas dan minggu terakhir, pelatih ditempatkan di Jabatan Pengurusan Sumber Manusia.

Dalam menempuh hari-hari pembelajaran di Sabasun, pelatih mendapat tunjuk ajar yang amat berkesan bermula daripada Pengurus Jabatan, Penolong Pengurus Jabatan, penyelia-penyelia dan sehinggalah pekerja-pekerja dari setiap jabatan. Oleh itu, tidak hairanlah jika pelatih mempunyai hubungan yang baik dengan semua staf di Sabasun HyperRuncit Sdn. Bhd. Segala aktiviti atau tugas harian sebagai pelajar praktikal berjalan dengan lancar dan teratur. Secara tidak langsung, dengan kehadiran pelatih, dapat juga membantu dan meringankan kerja-kerja yang sedia ada yang terpaksa disiapkan. Berpandukan kepada setiap tugas yang dilakukan, pelatih dikehendaki membuat laporan harian. Laporan harian ini akan dicatat mengikut hari dan tugas yang dilakukan dari awal pagi, iaitu semasa mula waktu kerja sehinggalah ke petang, iaitu tamat waktu kerja.

Semoga apa yang pelatih pelajari dan perolehi semasa menjalani latihan industri, akan dapat digunakan dikemudian hari apabila pelatih berdepan dengan alam realiti pekerjaan kelak dan dijadikan sebagai rujukan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, akhirnya dapat melatih menyiapkan laporan praktikum ini walaupun terpaksa menghadapinya dengan pelbagai masalah dan penuh kesabaran dan cabaran. Laporan ini adalah salah satu syarat bagi memenuhi pengijazahan Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran).

Dengan terhasilnya Buku Laporan Latihan Industri ini dapatlah melatih mengimbas kembali segala aktiviti yang telah pelatih ikuti disepanjang tiga bulan dimana lebih kurang 12 minggu menempatkan diri di organisasi ini dari 17hb April 2006 dan berakhir pada 09 Julai 2006. Didalam jangka masa yang singkat ini pelatih telah mempelajari dan memperolehi banyak pengalaman didalam dunia pekerjaan yang sebenarnya.

Pertama sekali, pelatih ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak SABASUN HYPERUNCIT SDN. BHD., khususnya kepada Encik Che Salmi bin Che Ibrahim selaku Pengarah Urusan dan juga buat Encik Che Salman bin Che Ibrahim selaku Pengarah Operasi yang telah memberi peluang kepada pelatih untuk menjalani Latihan Industri di sini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Penyelia KUSTEM dan Penyelia Industri, Puan Maznah binti Salleh dan Puan Rohani binti Mohd Zain kerana telah banyak menyumbangkan idea dan maklumat dalam menyiapkan laporan

ini. Juga buat kedua orang tua yang banyak memberi dorongan dan nasihat, rakan-rakan sekerja yang memberi kerjasama yang sangat baik serta mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Harapan pelatih, mudah-mudahan laporan ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan kepada pelatih berkenaan alam pekerjaan sebenar terutamanya tentang dunia perniagaan dan dengan pengalaman baru yang diperolehi, Insya-Allah dapat menjadi bekalan kepada pelatih untuk memasuki alam pekerjaan kelak.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi setiap pelajar yang mengikuti program penijazahan berpeluang untuk menjalankan Latihan Industri di sesebuah organisasi, samada agensi kerajaan mahupun swasta. Ini merupakan sesuatu yang amat berharga. Pelajar berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan juga penglibatan secara langsung dengan aktiviti dan tugas yang akan diberikan. Peluang yang telah di berikan kepada pelatih dalam menjalankan Latihan Industri di Sabasun HyperRuncit Sdn. Bhd., digunakan sepenuhnya untuk mengetahui dan memahami operasi dan aktiviti-aktiviti syarikat, terutamanya dalam bidang penjualan, pengedaran dan pemasaran produk kepada pelanggan/pengguna akhir. Pelatih juga dapat mengaplikasikan mata pelajaran yang telah di pelajari dan menyesuakannya kepada situasi pekerjaan yang sebenar, contohnya dalam bidang peruncitan iaitu berkenaan dengan subjek Pengurusan Peruncitan (*Retailing Management*). Banyak input-input berguna yang diperolehi pelatih daripada penglibatan dengan tugas dan aktiviti di dalam syarikat. Penglibatan pelatih dalam aktiviti promosi yang dijalankan mengajar pelatih kehidupan sebenar alam pekerjaan dan komitmen yang perlu untuk berhadapan dengan orang ramai. Semasa menjalankan Latihan Industri di Sabasun HyperRuncit, pelatih telah dapat mengenalpasti beberapa masalah yang terdapat dalam operasi dan pengurusan syarikat, iaitu melalui sistem-sistem yang sedia ada yang diguna pakai. Masalah-masalah ini dapat dikenalpasti melalui pemerhatian yang dibuat di sepanjang pelatih melakukan Latihan Industri. Antara masalah-masalah yang dapat dikenalpasti adalah di Bahagian Dagangan iaitu masalah dalam Sistem Pesanan Hamper. Masalah kedua yang dapat dikenalpasti adalah masalah di Bahagian Pemasaran iaitu masalah dalam Sistem Aliran Perubahan Harga. Masalah ketiga adalah masalah berkenaan dengan Sistem Pengambilan Pekerja yang terdapat di Bahagian Pengurusan syarikat. Melalui permasalahan tersebut, pelatih sedia memberikan pandangan dan cadangan agar pihak syarikat dapat mengaplikasikannya. Semoga apa yang dicadangkan dapat mambantu memajukan lagi aktiviti operasi dan pengurusan syarikat tersebut. Sememangnya Latihan Industri amat diperlukan bagi meningkatkan lagi kemahiran dan pengalaman bagi menjadikan seseorang mahasiswa dan mahasiswi lebih berdaya tahan dan berdaya saing serta kompetitif, di samping dapat memberikan pandangan berguna kepada sesebuah organisasi.